



## **MENTERI SUMBER MANUSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **KEWAJIPAN MAJIKAN UNTUK IKLANKAN KEKOSONGAN JAWATAN DI MYFUTUREJOBS**

1. Sejak kebelakangan ini, sering dibangkitkan isu-isu mengenai kekurangan tenaga kerja dalam sektor-sektor pekerjaan terutamanya yang berkaitan dengan 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*). Kekosongan dalam sektor ini sering kali diisi oleh pekerja asing berikutan tiada pekerja tempatan yang berminat.
2. Kerajaan prihatin dengan kekangan yang dihadapi oleh majikan yang terlibat dalam sektor pekerjaan 3D ini. Oleh yang demikian, Kabinet telah bersetuju untuk membenarkan pengambilan pekerja warga asing dalam semua sektor yang dibenarkan pada 10 Disember 2021. Semua sektor yang dibenarkan bagi penggajian pekerja asing ini adalah pertanian, perkilangan, perkhidmatan, perlombongan dan kuari, pembinaan dan pekhidmat domestik.
3. Walau bagaimanapun, saya ingin menggesa dan menggalakkan agar kekosongan yang ada diisi oleh pekerja tempatan. Justeru, majikan wajib membuat iklan kekosongan jawatan di portal MYFutureJobs di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ini bertujuan untuk memastikan peluang pekerjaan yang ada dalam pasaran ditawarkan kepada pekerja tempatan sebelum kekosongan itu diisi oleh pekerja asing.
4. Kewajipan majikan untuk mengiklankan kekosongan jawatan sekurang-kurangnya selama 30 hari di portal MYFutureJobs telah bermula sejak 1 Januari 2021.

**DATUK SERI M.SARAVANAN**

**MENTERI SUMBER MANUSIA**

**PUTRAJAYA**

**14 JANUARI 2022**